

04/08/2001

Gaji rendah bukan punca rasuah: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak andaian gaji yang rendah, mendorong pekerja melakukan perbuatan curang, seperti rasuah.

Perdana Menteri berkata, di sesetengah negara, rasuah dianggap perkara biasa untuk berurusan dengan kerajaan kerana kakitangannya dikatakan menerima gaji amat rendah.

"Tetapi saya diberitahu apabila gaji dinaikkan tiga kali ganda, pegawai juga meminta diberi wang tiga kali ganda lebih besar kerana dia sudah mempunyai gaji yang bertambah.

"Jelas menolak rasuah bukan bergantung kepada gaji, tetapi budaya serta pegangan kita kepada nilai-nilai mulia," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Kementerian Kewangan di Taman Mini, Khazanah Negara, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, di Malaysia rasuah turut berlaku, tetapi tidak berleluasa sehingga menjadi sesuatu yang diterima sebagai perkara biasa oleh masyarakat.

Beliau berkata, rasuah ada dua tahap, iaitu pertama rasuah di bawah meja yang bermakna ia tidak diterima sebagai amalan masyarakat.

"Justeru sesiapa yang terbabit, menyembunyikan amalan ini... mereka hanya menerima di bawah meja. Lama kelamaan apabila ini sudah menjadi sesuatu amalan yang diterima masyarakat, rasuah akan naik ke atas meja... bermakna tidak ada sembunyi lagi.

"Maka segala sogokan diberi adalah perkara biasa... bahkan diadakan kadar tertentu bagi kerja tertentu. Di Malaysia walaupun berlaku rasuah ia hanya di bawah meja dan kita harap ia bukan saja akan tinggal di bawah meja bahkan akan merosot sama sekali.

"Dengan itu kita akan mendapat khidmat yang lebih bersih kerana hanya dengan khidmat yang bersih baru kita dapat mentadbir dengan baik dan dapat balasan daripada kemajuan negara," katanya.

Beliau berkata, apabila negara maju, pendapatan kerajaan meningkat dan sebahagian pendapatan itu akan digunakan untuk membayar gaji serta elaun dan sebagainya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga bersedia menaikkan gaji dan elaun kakitangan awam jika pendapatannya bertambah berikutan kemajuan negara hasil kecekapan kakitangannya.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan gaji tidak dapat diberi jika kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup.

"Kalau kita berbuat demikian, nilai mata wang kita akan jatuh kerana jika kewangan negara tidak diurus dengan baik dan kita belanja lebih daripada yang sepatutnya, defisit kita menjadi begitu besar.

"Maka tidak dapat tidak, nilai mata wang kita akan jatuh walaupun pada masa ini kita mengawal nilai mata wang. Inilah hakikat yang perlu kita faham. Apabila kita menyumbang kepada pemerintahan yang baik, kita menolong kepada pembangunan negara dan kita akan dapat balasan yang setimpal," katanya.

Sehubungan itu, beliau bersyukur kerana negara terselamat daripada terus dibelenggu kegawatan ekonomi kerana pentadbiran serta anggota perkhidmatan awam yang cekap dan berpegang teguh kepada janji ketika mula berkhidmat dengan kerajaan.

Katanya, sehingga kini Malaysia terselamat berbanding beberapa negara jiran yang masih tidak dapat mengatasi masalah berikutan kegawatan ekonomi

dan kini timbul pula masalah baru yang berpunca daripada kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

"Jika tidak kerana kecekapan dan dedikasi ini, saya khuatir kita juga akan menghadapi masalah seperti di negara lain," katanya yang turut menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada 75 pegawai serta kakitangan Kementerian Kewangan.

Daripada jumlah itu, 30 menerima pergerakan gaji melintang dan 45 lagi pergerakan gaji menegak.

Dr Mahathir juga menerima sumbangan berjumlah RM90,000 daripada kakitangan pelbagai agensi di kementerian itu untuk Tabung Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya.

Sumbangan itu yang diterima daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam, diserahkan kepada Pengarang Kumpulan New Straits Times Bhd, Datuk Ahmad A Talib, yang menganjurkan tabung berkenaan.

Daripada jumlah itu, RM37,000 adalah sumbangan Bank Negara dan Institut Bank-Bank Malaysia; Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Penilaian Harta (RM13,600); Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (RM20,000); Lembaga Hasil Dalam Negeri (RM14,500) serta Suruhanjaya Sekuriti (RM4,200).

(END)